

31/05/1999

Perancangan MTEN ambil kira semua aspek

Mustafa Albakri Baharom; Bakhari Ariff

S: Berikutan keadaan ekonomi semakin pulih, adakah MTEN akan mengubah suai atau menukar strategi dan objektifnya? Apakah langkah pemulihan baru yang mungkin dicadangkan?

J: Kita masih menumpukan kepada strategi yang ada seperti mengadakan kawalan modal dan pengurangan kadar faedah, meningkatkan kecairan untuk memudahkan pinjaman bagi memupuk pertumbuhan ekonomi. Kemudian kita longgarkan kawalan modal. Sekarang kita nampak orang yang mengambil kesempatan tidak datang ke Malaysia. Kita yakin levi bersesuaian macam corporate governance dalam mengukuhkan pengurusan. Kita mencari mekanisme yang sesuai untuk mencapai matlamat yang digariskan dalam Program Pemulihan Ekonomi Negara (PPEN).

Kita hendak pulihkan sektor harta benda dan juga meningkatkan industri pelancongan. Ini kerana produk sudah ada, cuma tidak ada kecekapan pemasaran. Fokus setiap industri kini berubah.

Dari segi dasar fiskal pula, walaupun ada defisit perbelanjaan, subfokusnya sekarang ialah kita laksanakan projek itu. Dari segi fokusnya, kita mesti ada dasar defisit dengan meningkatkan perbelanjaan, sekali gus meningkatkan hasil. Sebab itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahukan setiap ketua setiausaha kementerian mengetahui keadaan dan kedudukan perbelanjaan sesuatu projek. Dr Mahathir bertanya seorang demi seorang punca projek tertanggung. Perdana Menteri juga mengarahkan setiap ketua setiausaha menyerahkan laporan bergambar perkembangan projek seminggu sekali. Ini sedang dilaksanakan.